

22 SEP 2002

DANA TAMBAHAN BAGI LEBUHRAYA SIMPANG PULAI-TANAH RATA

IPOH, 22 Sept (Bernama) -- Dana tambahan telah diluluskan bagi pembinaan Lebuhraya Simpang Pulai-Cameron Highlands yang sedang dalam pembinaan, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu.

Kementerian Kerja Raya menerima tambahan RM200 juta dalam Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas, katanya selepas menghadiri jamuan malam bagi mengutip sumbangan bagi Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia di sini malam tadi.

Samy Vellu juga berkata peruntukan khas sebanyak RM887 juta bagi projek pembangunan luar bandar di bawah Bajet itu akan diagihkan sama rata bagi membantu kontraktor bumiputera Kelas F.

Presiden MIC itu juga berkata beliau akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan bagi memohon dana untuk menaik taraf 15 buah sekolah Tamil di seluruh negara kerana hanya sebuah sekolah di Kuala Lumpur yang menerima peruntukan di bawah Bajet baru itu bagi tujuan itu.

"Ekoran permohonan saya itu, Perdana Menteri telah meminta saya mengemukakan cadangan dan saya akan kemukakannya secepat mungkin," katanya.

Mengenai kejadian kemalangan yang sering berlaku di plaza tol Jelapang, Lebuhraya Utara-Selatan, Samy Vellu berkata Projek Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) telah mengemukakan empat cadangan kepada kementerian itu pada mesyuarat pada Rabu.

Beliau berkata kementerian akan mengkaji cadangan itu sebelum membuat keputusan mengenai kaedah untuk mengurangkan kadar kemalangan di laluan itu.

Samy Vellu, bagaimanapun enggan menyatakan sama ada Plus telah mencadangkan untuk memindahkan plaza itu di tempat lain.

-- BERNAMA
AR AAM RHM